



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

OPENCOURSEWARE

Institusi-Institusi Islam (UICI 2042)

Institusi Perundangan

Nurazmallail Bin Marni

Sayed Mahussain Bin Sayed Ahmad al-Idrus



Inspiring Creative and Innovative Minds

ocw.utm.my

OBJEKTIF

- Membincangkan kedudukan dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia berdasarkan latar belakang sejarah dan realiti semasa
- Menjelaskan beberapa persoalan yang sering ditimbulkan berkaitan pelaksanaan undang-undang Islam dan cadangan penyelesaiannya.



SEJARAH PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

1. Sebelum Kedatangan Penjajah

- Undang-undang Islam dilaksanakan sepenuhnya, di samping campuran undang-undang adat; termasuk dalam bidang-bidang jenayah, muamalah, kekeluargaan dan perlembagaan.

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM SEBELUM KEDATANGAN PENJAJAH

- Islam hanya bertapak kuat di Melaka pada kurun ke-15 walaupun telah berkembang di Asia Tenggara sejak kurun ke-13 dan sampai ke Tanah Melayu pada kurun ke-14.
- Sebelum kedatangan Islam, orang Melayu mengikut undang-undang adat yang dipengaruhi sedikit sebanyak unsur-unsur Hindu.
- Setelah raja-raja dan orang Melayu memeluk agama Islam, perubahan-perubahan telah dibuat untuk mengubahsuai adat Melayu supaya selaras dengan Islam dan seterusnya menggunakan undang-undang Islam.

Sambungan ...

- Pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu dalam kurun ke-15, 16 dan 17 terbukti dengan wujudnya beberapa undang-undang yang dikuatkuasakan di negeri-negeri Melayu ketika itu.
- Di Melaka, sebahagian besar daripada peruntukan dalam Undang-undang Melaka yang mengandungi 44 fasal adalah berasaskan undang-undang Islam terutamanya peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan jenayah, muamalah, kekeluargaan, keterangan dan acara.

Sambungan ...

2. Zaman Penjajahan British

- Campurtangan British dalam segala urusan, termasuk hal-ehwal agama dan adat Melayu.



Cara British Perkenalkan Undang-undang Inggeris Di Tanah Melayu;

1. keputusan kehakiman - hakim-hakim British ketika memutuskan kes merujuk kepada undang-undang Inggeris berasaskan Common Law dan kaedah ekuiti
2. badan perundangan - membawa masuk beberapa undang-undang Inggeris seperti yang digunapakai di India ke negeri Melayu dan dikuatkuasakan sebagai undang-undang negeri seperti *Contract Ordinance*, *Evidence Ordinance* dan *Penal Code*
3. penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri (Exco) yang berkuasa membuat undang-undang berdasarkan perundangan Inggeris.

Sambungan ...

3. Zaman Pasca Kemerdekaan

- Undang-undang Islam dilaksanakan dalam aspek yang sempit, iaitu berkaitan undang-undang diri sahaja.
- Wujudnya dikotomi undang-undang sebagaimana yang diperkenalkan pada zaman penjajah, iaitu undang-undang awam yang ditadbir oleh mahkamah awam dan undang-undang Islam yang ditadbir oleh mahkamah syariah.



UNDANG-UNDANG ISLAM SETELAH KEDATANGAN PENJAJAH

- Tidak syak lagi bahawa sebelum kedatangan penjajah British, undang-undang Islam adalah undang-undang negara di Malaysia.
- Inggeris campur tangan di negeri-negeri Melayu secara berperingkat-peringkat sehingga negeri-negeri Melayu menerima penasihat Inggeris (residen) dalam pemerintahan.

Sambungan ...

- Perjanjian telah diadakan antara Raja-raja Melayu dengan pihak British yang menyatakan dengan jelas bahawa Raja-raja Melayu bersetuju menerima semua nasihat British melainkan dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
- Pelaksanaan undang-undang Islam hanya dibenarkan dalam hal ehwal kekeluargaan, pewarisan, ibadat-ibadat khusus dan juga beberapa aspek undang-undang jenayah.
- Undang-undang umum seperti dalam perkara jenayah, keterangan, kontrak, tort dan tanah, menggunakan undang-undang Inggeris.

Sambungan ...

- Pemakaian undang-undang Inggeris diperkukuhkan lagi dengan penguatkuasaan Enakmen Undang-undang Sivil secara rasmi pada 1937.
- Kemudiannya, Undang-undang Sivil telah diperluaskan penguatkuasaannya dari Negeri-negeri Melayu bersekutu ke Melaka dan Pulau Pinang pada tahun 1956 dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1957.



Pihak British tetap campurtangan

- Akibatnya, kuasa-kuasa Mahkamah Syariah dihadkan dan menjadi rendah tarafnya daripada Mahkamah Sivil.
- Sehingga tahun 1948, Mahkamah-mahkamah Kadi dan Naib Kadi di negeri-negeri Melayu menjadi sebahagian daripada struktur mahkamah.
- Bermula pada tahun 1948, Ordinan Mahkamah-mahkamah telah menubuhkan sistem kehakiman bagi Persekutuan dan meninggalkan Mahkamah Syariah daripada hierarki mahkamah yang ada pada masa itu.

Misalnya dalam kes


- *In the Goods of Abdullah [1855] 2 Ky. Ecc. Rs. 8*, undang-undang Inggeris telah digunakan untuk mengesahkan wasiat yang melibatkan keseluruhan harta (menyalahi undang-undang Islam yang hanya membenarkan wasiat setakat satu pertiga harta).



Cadangan Ahmad Ibrahim Agar Undang-undang Islam Boleh Dilaksana Lebih Menyeluruh:

1. Mansuhkan Akta Undang-undang Sivil 1956 yang menjadikan undang-undang Inggeris sebagai sumber perundangan, dan diganti dengan undang-undang Islam
2. Pinda peruntukan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan kepada sepertimana berikut – “Mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam hendaklah terbatal dan dianggap tidak sah setakat mana ia bertentangan itu”.
3. Adakan satu peruntukan dalam semua statut perundangan bahawa jika terdapat sebarang *lacuna* (kekosongan) dalam statut berkenaan, mahkamah hendaklah merujuk kepada undang-undang Islam

JENIS-JENIS JENAYAH DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM



JENIS-JENIS JENAYAH DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM

(1) *Hudud*

(2) *Qisas* dan *diyat*

(3) *Ta'zir*.

- *Hudud* dan *qisas* adalah jenayah yang telah ditetapkan hukumannya dalam al-Quran dan al-Sunnah.
- Bezanya ialah *hudud* merupakan hak Allah untuk menjaga kepentingan masyarakat, sedangkan *qisas* merupakan hak peribadi setiap manusia. Dengan demikian, hukuman *qisas* boleh diampuni, diwarisi, dan diringankan. Perkara-perkara ini tidak terdapat dalam hukuman *hudud* (tidak boleh diampuni, diwarisi dan diringankan).

(1) HUDUD

7 Jenayah Kategori *Hudud*

- Zina
- Qazaf
- Minum arak
- Mencuri
- Merompak
- Memberontak
- Murtad.



7 Jenayah Kategori *Hudud*

- Zina
- Qazaf (Tuduhan zina)
- Minum arak (Shurb al-khamr)
- Mencuri (Sariqah)
- Merompak (Hirabah)
- Memberontak (al-Bughah)
- Riddah (Jenayah Murtad)

(2) QISAS (*balasan setimpal*)

- Hukuman bagi kesalahan
 1. Membunuh (sengaja, tidak sengaja, menyerupai sengaja)
 2. Mencedera (fizikal, emosional)
 3. Menggugurkan kandungan.
- Termasuk juga dalam konsep *qisas* ini ialah *diyat* yang merupakan gantirugi (*tort*) dalam bentuk harta yang dikenakan dengan sebab sesuatu kesalahan mencederakan dan juga sebagai hukuman gantian bagi kesalahan membunuh, tetapi mendapat keampunan daripada keluarga mangsa.

(3) *TA'ZIR*

- kesalahan-kesalahan jenayah yang hukumannya tidak dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah.
- Hukumannya adalah berdasarkan budi bicara hakim termasuk hukuman bunuh.
- Jenayah dalam kategori *ta'zir* merupakan kumpulan kesalahan yang terbanyak.

Hudud dalam Undang-undang Melaka

- Kesalahan kategori *hudud* dalam Undang-undang Melaka meliputi kes berhubung dengan kesalahan;

1. Zina	-fasal 40:2
2. Qazaf (tuduhan zina)	-fasal 12:3
3. Murtad	-fasal 36:1
4. Meninggalkan sembahyang	-fasal 36:1
5. Mencuri	-fasal 7:2 & 11:1
6. Minum arak	-fasal 42
7. Merompak (hirabah)	-fasal 43
8. Menderhaka (bughah)	-fasal 5 & 42

Ta'zir dalam Undang-undang Melaka

- termasuk kesalahan;
 1. mencuri yang digugurkan hukuman *hudud* (Fasal 11 dan 11:1)
 2. melakukan hubungan sejenis dan bercumbu-cumbuan (Fasal 43:5)
 3. melakukan fitnah (Fasal 41 dan 41:3)
 4. berjudi (Fasal 42)
 5. menjadi saksi palsu (Fasal 36)
 6. memintang tunangan orang (Fasal 12).

Muamalah (Ekonomi) Dalam Undang-undang Melaka

- Undang-undang Melaka tidak memperuntukkan secara terperinci berkenaan peraturan muamalah Islam, namun ia menyatakan beberapa aspek umum berkenaan perkara tersebut.
- Ini termasuk soal timbangan (Fasal 29); syarat-syarat sah jual beli serta pengharaman riba (Fasal 30); jual beli hartanah (Fasal 31); *khiyar /hak memilih* (Fasal 31:2 dan 31:3); muflis (Fasal 32:1); *suluh/penyelesaian* (Fasal 32:2); pinjaman dan jaminan (Fasal 15:4, 32:3, 32:4 dan 32:5); *musyarakah/perkongsi* dan *murabahah/kongsi untung* (Fasal 33:1 dan 33:2) dan amanah (Fasal 34:1 dan 34:2).

KEKELUARGAAN DALAM UNDANG-UNDANG MELAKA

- Peraturan berkenaan undang-undang keluarga diperuntukkan dalam Fasal 25 hingga Fasal 28.
- Hal ini termasuk kuasa wali untuk mengahwinkan anak atau cucu (Fasal 25:1). Fasal ini memperincikan mengenai perwalian bagi anak dara dan janda, tanda-tanda baligh bagi gadis yang ingin dikahwinkan, susunan kedudukan wali, iaitu wali *aqrab* (hampir) dan wali *ab'ad* (jauh).
- Seterusnya, mengenai ijab dan qabul (Fasal 25:2); saksi (Fasal 26); *khiyar* dan hak untuk membatalkan perkahwinan (Fasal 27) dan talak serta wanita-wanita yang boleh dikahwini (Fasal 28:1, 28:2 dan 28:3).

Undang-undang Keterangan Dan Acara Dalam Undang-undang Melaka

- Undang-undang Melaka memperuntukkan peraturan mengenai keterangan dan acara meliputi soal;
 1. tuntutan harta (Fasal 32)
 2. Penjamin dan kesaksian (Fasal 26 dan 37)
 3. Sumpah, tuntutan di hadapan hakim, kedudukan ikrar, dan etika kehakiman (Fasal 38).

Undang-undang Perlembagaan Dalam Undang-Undang Melaka

- Undang-undang Melaka tidak memperuntukkan secara terperinci mengenai tatacara dan bidang kuasa pemerintahan seperti perlembagaan moden.
- Namun, diperuntukkan dalam Fasal 1:3 mengenai syarat yang mesti ada pada seorang yang dilantik menjadi raja (pemimpin) iaitu pengampun, pemurah, perkasa, dan menjalankan hukuman dengan kekuasaannya.
- Konsep tanggungjawab pemimpin diperuntukkan dalam Fasal 43:1.

Negeri-negeri Yang Turut Melaksanakan Undang-undang Islam Dalam Pemerintahan

- Umumnya dipengaruhi oleh Undang-undang Melaka sama ada secara langsung atau tidak.
- Antaranya Undang-undang Johor, Undang-undang Kedah, Undang-undang Pahang, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, Undang-undang Sungai Ujung (Negeri Sembilan).
- Pemakaian undang-undang Islam sebelum kedatangan penjajah Inggeris adalah jelas melibatkan hampir keseluruhan aspek perundangan Islam.

Sambungan ...

- Pelaksanaan undang-undang Islam di Pahang misalnya adalah tertakluk juga kepada bukan Islam yang tinggal di Pahang.
- Buktinya, dalam satu kes bunuh yang berlaku pada tahun 1888 yang mana seorang Cina bernama Go Hui telah mati dibunuh dan Sultan Ahmad yang memerintah Pahang telah memerintahkan supaya kes tersebut dibicarakan dan dihukum mengikut Undang-undang Pahang, bukan undang-undang Inggeris yang baru diperkenalkan di Pahang pada masa itu.

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN



- Pada 1957 hanya meneruskan apa yang telah ada ketika sebelum merdeka.
- Undang-undang Islam masih lagi diamalkan dalam skop yang sempit, iaitu yang berhubung undang-undang diri sahaja dan berkuatkuasa ke atas orang-orang Islam sahaja.
- Setelah melalui sejumlah perundingan, beberapa peruntukan mengenai Islam telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan di bawah Perkara 3, 11, 12(2) dan 150(6A).

Sambungan ...

- Kewujudan peruntukan-peruntukan tersebut dalam Perlembagaan boleh dianggap unik kerana bertentangan dengan sifat negara ini yang sekular.
- Dengan adanya peruntukan tersebut, negara dan perlembagaan tidak boleh lagi disifatkan sebagai sekular (yang tidak mahu dikaitkan dengan apa bentuk agama dan kerohanian).
- Jelasnya peruntukan tersebut memberi beberapa kelebihan dan keistimewaan kepada Islam dan penganutnya di Malaysia. Dari satu sudut, kedudukan Islam dalam Perlembagaan sebenarnya merupakan penerusan kedudukan yang kesahannya berakar kepada sejarah.

Tafsiran Perkara 3(1), Perlembagaan

- Perkara 3(1), Perlembagaan memperuntukkan bahawa “Islam ialah agama bagi Persekutuan; akan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”
- Perkara 3(1) perlu dilihat dalam konteks Perkara 3(4) yang memperuntukkan bahawa “Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini”.
- Perkara 3(4) boleh dikatakan berfungsi membuat sekatan ke atas Perkara 3(1) – supaya Perkara 3(1) tidak boleh dianggap sebagai fasal yang mengatasi dan membatalkan peruntukan-peruntukan yang lain.

Sambungan ...

- Dengan demikian, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan yang diperuntukkan dalam Perkara 3(1) tidaklah boleh memberi maksud bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang bagi Persekutuan yang perlu menjadi asas kepada perundangan di Malaysia.
- Kenyataan ini diperkuatkan dengan peruntukan dalam Perkara 4(1) yang memperuntukkan: *“Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.”*

Tafsiran Perkara 11(1) Kebebasan Beragama

- Perkara 11(1) pula memberi jaminan terhadap kebebasan setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agamanya, namun hak ini tertakluk kepada Perkara 11(4) , iaitu;
- bahawa undang-undang boleh diwujudkan bagi menyekat penyebaran agama bukan Islam ke atas orang-orang Islam.
- Perkara 12(2) berkenaan bantuan kewangan atau peruntukan khas untuk menubuhkan atau menyelenggara institusi Islam atau mengembangkan ajaran Islam oleh kerajaan negeri dan persekutuan bagi orang Islam.

Pentingnya Perkara 150(6A)

- Mengenai pengecualian undang-undang Islam daripada undang-undang darurat yang diperuntukkan oleh Perkara 150(6A).



PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

- Umumnya boleh dikatakan bahawa sebahagian undang-undang Islam telah dilaksanakan di Malaysia.
- **Undang-undang keluarga dan ibadat khusus** terus diikuti. Ini dibuktikan dengan program pembangunan masjid, surau, pusat zakat dan lembaga rasmi yang menguruskan hal ehwal haji orang Islam telah dijalankan dengan baik.
- Turut diluluskan undang-undang khusus berkenaan keluarga Islam di setiap negeri untuk mentadbir hal ehwal perkahwinan, perceraian, nafkah dan seumpamanya.

DALAM BIDANG KEHAKIMAN

- Dikotomi sistem kehakiman semakin jelas dengan pindaan Perlembagaan iaitu Perkara 121(1A) yang memperuntukkan bidang kuasa mahkamah syariah tidak boleh dicampuri oleh mahkamah sivil.
- Di peringkat Persekutuan diwujudkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk tujuan penyelarasan dan memajukan pentadbiran kehakiman syariah di Malaysia.
- Mahkamah syariah diberikan bidang kuasa yang lebih rendah, iaitu membicarakan hal-hal yang dianggap sebagai *personal law* dan hanya berkuat kuasa kepada orang Islam sahaja.

DALAM BIDANG EKONOMI

- Nampaknya telah ada usaha untuk membangunkan sistem ekonomi Islam sejak tertubuhnya Bank Islam yang pertama pada tahun 1983 dan syarikat insurans Islam/Takaful yang pertama pada tahun 1984.
- Perbankan Islam semakin dipertingkatkan dengan pengenalan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang membenarkan bank-bank konvensional yang mengamalkan dasar riba menawarkan perkhidmatan perbankan yang selaras dengan kehendak syarak.

Sambungan ...

- Namun, sistem ekonomi Islam masih berada di pinggiran dalam sistem ekonomi konvensional yang berada dalam arus perdana ekonomi negara.
- Sistem ekonomi Islam boleh dianggap sebagai pilihan (bukannya bersifat mandatori) kepada masyarakat Islam yang mempunyai kesedaran untuk mengelakkan diri daripada berurusan dengan institusi kewangan yang berasaskan sistem riba.

DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH

- Kesalahan kategori jenayah syariah diperuntukkan dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri.
- Hukuman bagi kesalahan jenayah dalam kategori *hudud* dan *qisas* tidak dilaksanakan.
- Hukuman bagi sebahagian jenayah syariah pula bolehlah dianggap sebagai hukuman *ta'zir* kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah hanyalah setakat tiga tahun penjara, atau denda sehingga RM5,000 atau enam kali sebatan rotan **(formula 3,5,6)** atau gabungan kedua-dua hukuman.

BATASAN HUKUMAN DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM



Sambungan ...

- Atas asas inilah sungguhpun sebahagian kesalahan dalam kategori *hudud* misalnya zina, minum arak dan murtad telah diperuntukkan, namun hukuman sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang Islam tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Cadangan Prof. Abdul Aziz Bari

- Undang-undang jenayah *hudud* dan *qisas* boleh dilaksanakan melalui kerangka Perlembagaan dan undang-undang yang sedia ada.
- Mekanisme pelaksanaannya adalah melalui pindaan Perlembagaan bagi;
 1. mengecualikan jenayah di bawah undang-undang Islam daripada bidang kuasa Persekutuan, dan
 2. menaikkan atau mengubahsuai undang-undang yang membataskan bidang kuasa mahkamah syariah terhadap hukuman jenayah syariah.

Sambungan ...

- Usaha ke arah itu perlulah seiring dengan pindaan-pindaan lain yang melibatkan undang-undang selain daripada Perlembagaan seperti Akta Mahkamah Keadilan 1964, Kanun Kesiksaan, Kanun Acara Jenayah, Akta Keterangan 1950 dan seumpamanya.

KESIMPULAN

- Sistem perundangan yang dibawa oleh Islam adalah untuk merealisasikan matlamat untuk membina kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat.
- Semua pihak berperanan dalam melaksanakan perundangan Islam, sama ada di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara.
- Namun, sebahagian besar daripada bidang-bidang dalam perundangan Islam hanya boleh dilaksanakan dengan komitmen penuh daripada negara (pemerintah).
- Dalam *personal law*, komitmen negara diperlukan terutama dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan.

LATIHAN

1. Huraikan faktor-faktor manusia perlu kepada satu sistem perundangan daripada Allah?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang Islam?
3. Huraikan ciri-ciri undang-undang Islam yang membezakannya dengan undang-undang yang lain?
4. “Wahyu adalah sumber utama kepada perundangan Islam”. Huraikan kenyataan ini.
5. Senaraikan aspek-aspek yang terkandung dalam perundangan Islam dan cuba buat analisis terhadap pelaksanaan aspek-aspek tersebut dalam realiti semasa?

Sambungan Latihan

6. “Undang-undang Islam telah menjadi undang-undang negara satu ketika dahulu”. Berikan pendapat dan hujah anda kepada kenyataan ini
7. Pada pandangan anda, apakah yang menjadi punca kepada salah faham terhadap undang-undang Islam?
8. Pada pandangan anda, apakah langkah yang paling praktikal bagi memastikan pelaksanaan undang-undang Islam secara total dapat direalisasikan?